

Headline	Jangan habiskan masa di hotel sahaja		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,787
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,361



Jangan habiskan masa di hotel sahaja

KELMARIN rombongan wartawan Malaysia dibawa oleh Pengurus Zon Dua, Mohamad Abas melawat bilik-bilik di sebuah hotel yang akan didiami oleh jemaah haji Malaysia sepanjang berada di Madinah.

Meninjau bilik-bilik tersebut ternyata amat selesa. Biarpun bilik-bilik itu ada antaranya didiami oleh lima orang jemaah namun keselesaiannya tidak terjejas. Sememangnya, jemaah haji Malaysia amat beruntung kerana Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan terbaik supaya mereka boleh beribadah dengan sempurna.

Bagaimanapun Tabung Haji hanya boleh menyediakan prasarana sahaja, tetapi sama ada akan berupaya membantu meningkatkan ibadah jemaah haji atau tidak, itu terserah kepada jemaah haji menentukannya.

Begitulah juga apabila mereka ditempatkan di hotel yang terletak tidak sampai 100 meter dari Masjid Nabawi. Ini adalah kesempatan terbaik untuk mereka bersolat di salah sebuah masjid paling mulia di sisi Islam.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Solat di masjidku (Masjid Nabawi) lebih utama daripada 1,000 solat di masjid lain selain Masjidilharam. Solat di Masjidilharam lebih utama daripada 100,000 solat di masjid lainnya."*

Ganjaran pahala itu seharusnya direbut oleh jemaah haji dan bukannya apabila sudah dapat bilik selesa, tilam yang empuk, pendingin hawa yang nyaman, masa dihabiskan untuk 'membuai mimpi' sahaja.

Apa yang mereka kecapi di Madinah adalah peluang keemasan dalam meningkatkan ketakwaan kepada Allah dan perasaan cinta kepada Rasulullah SAW. Sudah pasti

mereka sama sekali tidak mengetahui apakah selepas ini akan ada peluang untuk mereka mendiami sebuah hotel yang berdekatan dengan Masjid Nabawi atau mungkin tidak akan sampai lagi di Madinah. Mereka hanya mampu berdoa tetapi Allah menentukan segala-segalanya.

Justeru dalam kesempatan yang terbuka luas ini, gunakanlah sebaik-baiknya kerana jemaah haji Malaysia beruntung berbanding sesetengah jemaah haji negara lain yang hotel mereka jauh

dari Masjid Nabawi.

Seorang warga Bangladesh yang bertindak sebagai ejen kepada jemaah haji sebuah negara memberitahu penulis, dia menganggap jemaah haji Malaysia amat bertuah kerana mempunyai sebuah badan atau agensi seperti Tabung Haji yang memastikan mereka bukan sahaja menginap di hotel yang selesa tetapi juga begitu mudah untuk beribadah di Masjid Nabawi.

Seperkara lagi, jemaah haji Malaysia perlu menanam dalam jiwa bahawa di Madinah mereka berada di tanah kelahiran Rasulullah SAW. Justeru jadikan setiap langkah yang diatur di bumi Madinah dihiasi dengan selawat ke atas baginda dan berzikir kepada Allah SWT.

Jangan membazir masa sepanjang jalan bercakap perkara yang tidak berfaedah kerana tujuan mereka datang ke Madinah adalah untuk menambah pahala bukannya mencari dosa. Ketika di Madinah juga mereka berpeluang untuk menziarahi tempat-tempat bersejarah yang dianggap 'ziarah sambil beribadah' antaranya makam Rasulullah SAW, Masjid Qurba' iaitu masjid pertama dibina baginda untuk solat berjemaah dan Masjid Qiblatain (masjid dua kiblat).

Kesemua tempat itu membuka peluang untuk mereka memahami sejarah Madinah dan perjuangan Rasulullah SAW, oleh itu jangan lepaskan peluang tersebut kerana ini mungkin 'kunjungan terakhir' kita ke Madinah!

Seperkara lagi, jemaah haji Malaysia perlu menanam dalam jiwa bahawa di Madinah mereka berada di tanah kelahiran Rasulullah SAW. Justeru jadikan setiap langkah yang diatur di bumi Madinah dihiasi dengan selawat ke atas baginda dan berzikir kepada Allah SWT.